

Perbicaraan diadakan secara tertutup

Lima suspek perogol dihadap ke mahkamah

Kosmo 2/1/13 MS 49.

NEW DELHI – Lima lelaki yang dituduh merogol dan membunuh seorang pelajar perubatan berusia 23 tahun di dalam sebuah bas secara bergilir-gilir pada 16 Disember tahun lalu dihadapkan ke mahkamah majistret di selatan Delhi semalam.

Semua mereka dituduh melakukan kesalahan itu ketika mangsa dalam perjalanan pulang selepas menonton filem di New Delhi bersama teman lakinya.

Mangsa yang merupakan pelajar bidang fisioterapi disahkan meninggal dunia pada 29 Disember lalu selepas mendapat rawatan di sebuah hospital di Singapura.

Lima lelaki yang didakwa itu ialah pemandu bas tersebut, Ram Singh dan adiknya, Mukesh Singh.

Penjaja buah-buahan, Pawan Gupta dan seorang pencuci bas, Akshay Singh serta pengajar keergasan, Vinay Sharma turut didakwa melakukan perbuatan itu.

Perbicaraan kelima-lima sus-

pek yang berumur 19 hingga 35 tahun itu terpaksa diadakan secara tertutup ekoran orang ramai membuat bising.

Majistret Namrita Aggarwal memutuskan supaya orang ramai dan media tidak dibenarkan masuk sepanjang perbicaraan berlangsung.

Aggarwal berkata, pendengaran seterusnya akan diadakan pada 10 Januari ini.

Seorang pegawai polis berkata, semua tertuduh memakai penutup muka ketika memasuki mahkamah.

Menurut seorang pendakwa raya, Rajiv Mohan, seorang peguam akan membela mereka.

Kebanyakan peguam dikatakan tidak sanggup untuk mewakili mereka kerana kekejaman yang dilakukan oleh para suspek itu.

Jika sabit kesalahan, mereka akan dikenakan hukuman mati.

Seorang lagi suspek berumur 17 tahun akan dibicarakan di sebuah mahkamah juvenil kerana usianya di bawah umur. – Agensi



REUTERS

SEBUAH van polis membawa lima lelaki dipercayai perogol meninggalkan sebuah mahkamah majistret di New Delhi semalam.

INFO Kronologi kejadian rogol

● 16 Disember 2012

Seorang pelajar perubatan berusia 23 tahun dirogol oleh enam orang lelaki di dalam sebuah bas ketika dalam perjalanan pulang selepas menonton wayang.

● 17 Disember 2012

Polis menahan salah seorang suspek yang juga merupakan pemandu bas, Ram Singh.

● 18 Disember 2012

Bantahan besar-besaran penduduk New Delhi diadakan bagi menuntut keadilan dan tiga lagi suspek iaitu Mukesh Singh, Pawan Gupta dan Vinay Sharma ditangkap.

● 19 Disember 2012

Suspek berusia bawah umur ditangkap

● 21 Disember 2012

Suspek terakhir, Akshay Singh ditangkap.

● 29 Disember 2012

Mangsa disahkan meninggal dunia di sebuah hospital di Singapura akibat kecederaan teruk di kepala.

● 7 Januari 2013

Kelima-lima suspek dihadapkan ke mahkamah.